

# Membina kehidupan selepas banjir

## Rakyat harus berganding bahu dengan kerajaan atasi bencana berulang

Oleh Johan Afandi

**G**ELOMBANG kedua banjir di negeri ini sudah berakhir walaupun lebih 50,000 mangsa banjir masih berada di 100 pusat pemindahan, di Batu Pahat kerana paras banjir belum surut.

Bagaimanapun, seperti gelombang pertama banjir pada 19 Disember lalu, nasib mangsa banjir kedua ini, yang melebihi 100,000 orang terus mengharapkan bantuan dan sokongan daripada kerajaan dan semua lapisan rakyat negara ini, bagi memulakan semula kehidupan mereka.

Pelbagai cerita sedih, kecewa dan bangga dicoret dan dipaparkan media saban hari sama ada menerusi televisyen atau akhbar yang cuba memberikan laporan terkini mengenai keadaan banjir kepada pembaca serta penonton masing-masing.

Juga pelbagai teori, andaian serta sebab diutarakan pakar, mengapa banjir besar berulang di Johor dalam tempoh tidak sampai seminggu tetapi hakikatnya, perkara itu tidak pernah diambil peduli mangsa banjir.

Bagi mereka apa yang penting bagaimana meneruskan semula kehidupan seperti yang mereka kecap sebelum banjir selepas segala peralatan, perabot yang dikumpulkan saban tahun musnah sekelip mata.

Ada juga mangsa banjir mengeluh kerana bantuan yang dijanjikan ketika banjir pertama masih tidak diperolehi dan pelbagai tuduhan dilemparkan sedangkan senarai berkenaan masih belum dikemaskini berikutan berlaku banjir kedua.

Justeru, meletakkan kesalahan 100 peratus di bahu kerajaan adalah sesuatu yang tidak adil kerana semua pihak cuba memberi dan melakukan yang terbaik bagi membantu mangsa banjir. Sebenarnya, banjir besar di Johor adalah bencana alam yang terhebat pernah melanda negara ini, walaupun jumlah kematiannya tidak ramai berbanding tsunami melanda utara negara tiga tahun lalu.

Jumlah kerugian yang dialami penduduk serta kemusnahan infrastruktur akibat banjir dalam tempoh sebulan bencana berlaku dianggarkan mencecah hampir RM1 bilion. Selain itu, jika dikaji dengan lebih teliti, kemusnahan itu memberi impak besar kepada ekonomi Johor khususnya dan negara amnya.

Ia disebabkan, dalam bencana banjir ini, ramai peniaga dan pengusaha kilang khususnya di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) mengalami kerugian apabila perniagaan mereka musnah.

Jadi, pelan pemulihan pasca banjir perlu dirangka dengan teliti serta digerakkan secepat mungkin bagi membolehkan semua mangsa banjir dapat memulakan semula kehidupan mereka seperti sedia kala.

Lebih memburukkan lagi keadaan, banjir kali ini terjadi ketika negara dalam perancangan menarik ramai pelancong melalui Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 dengan Johor sudah pasti menjadi antara destinasi utama.

Sebagai pintu masuk dari selatan negara dan bersebelahan dengan Singapura, Johor sudah pasti mempunyai kelebihan kerana mempunyai 13 pintu keluar masuk sama ada melalui darat, laut atau udara.

Tetapi TMM 2007 yang sudah masuk bulan kedua, masih belum menampakkan sebarang impak secara langsung terutama sekali kepada kegiatan ekonomi rakyat negeri ini.

Mungkin disebabkan semua jentera kerajaan negeri masih menumpukan untuk membantu mangsa banjir dari segala segi sehingga ada media negara asing sama ada sengaja atau tidak memaparkan cerita mengenai banjir

### INFO

#### Perancangan kawal banjir

- Penyelenggaraan infrastruktur seperti empangan, parit dan longkang.
- Mendalamkan saluran seperti sungai.
- Pembangunan mesti seiring dengan alam sekitar.

dengan pelbagai laporan yang dilihat berbentuk negatif.

Ia menyebabkan jumlah kedatangan masuk pelancong ke negeri ini, sedikit terencat kerana bimbang terperangkap akibat banjir ketika bercuti di Johor.

Satu perkara positif mengenai banjir besar ini, ialah ia membuka mata banyak pihak betapa pentingnya penyelenggaraan infrastruktur seperti empangan, parit dan longkang.

Sebagai negeri yang akan melangkah ke lembaran baru dengan pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 4 November lalu, sudah tentu semua kemudahan ini perlu berada dalam tahap terbaik.

Ia penting bagi menarik pelabur asing melabur dalam WPI dan banjir lalu membuktikan bahawa masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dar segi kemudahan WPI.

Kita sudah tentu tidak mahu aktiviti ekonomi WPI terganggu disebabkan sikap sesetengah pihak mengambil ringan menyelenggara kemudahan ini kerana ia memberikan imej buruk kepada Johor.

Jadi, apabila Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail memberikan teguran positif terhadap kurangnya penyelenggaraan di empangan Sembrong, Kluang, tindakan segera perlu diambil.

Selain itu, kerja mendalamkan tiga sungai di Skudai, Tebrau dan Segget juga perlu dilaksanakan dengan segera kerana ia sudah membuktikan bahawa banjir mudah berlaku akibat kerja pembangunan tidak terkawal di sepanjang sungai ini.

Kerja mendalamkan itu, sebenarnya, sudah mendapat peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan banjir lalu adalah penyebab untuk ia dilakukan dengan lebih cepat bagi mengelakkan perkara sama berulang semula.

Jika pada banjir pertama, penduduk Segamat paling terjejas apabila bandarnya hampir keseluruhan ditenggelami air, gelombang kedua pula menyaksikan bandar Kota Tinggi ditenggelami air keseluruhannya.

"Keadaannya seperti tsunami kecil," ujar seorang mangsa banjir di Kampung Kelantan, Kota Tinggi.

Keadaan itu dapat dilihat pada Rabu, enam hari selepas banjir surut di kawasan berkenaan yang ditenggelami air sedalam lebih enam meter dengan ada rumah dihanyutkan, roboh dan jalan rosak.

Ia tidak termasuk lagi dengan bau busuk sampah yang tersangkut di pagar rumah dan kenderaan seperti kereta, basikal dan motosikal terdampar di dalam ladang kelapa sawit.

Begitulah gambaran derasnya, arus sungai Johor yang terletak hanya kira-kira 50 meter dari kampung berkenaan apabila ia naik pada paras tertinggi.

Tingginya air di Kampung Kelantan juga menandakan berakhirnya mitos makam Laksamana Bentan tidak ditenggelami air dalam dua banjir yang melanda bandar berkenaan pada 1948 dan 1969-70.

Gambar makam berkenaan ditenggelami air sehingga ke paras bumbungnya terpapar pada akhbar ini, siaran 23 Januari lalu dan ia membuka mata pihak yang mengagungkan makam ini, kononnya mempunyai keramat.

Yang pasti, wakil rakyat sudah pasti terpaksa berselingsing seluar membantu mangsa banjir di kawasan masing-masing dan inilah, ketikanya khidmat mereka diperlukan pengundi yang memberi kepercayaan kepada mereka.

Ada wakil rakyat yang bermalam hampir sebulan di kawasan masing-masing dan tidak pulang ke rumah, semata-mata memastikan semua mangsa banjir mendapat pembelaan sewajarnya.

Bantuan mencurah masuk dan dihulurkan tidak kira masa dan waktu, membuktikan

wakil rakyat sebenarnya sanggup sama senang, sama susah dengan mangsa banjir.

Bagaimanapun, ada juga cerita di pusat pemindahan yang mangsa bencana tidak puas hati dengan makanan kerana setiap hari terpaksa menghadap menu makanan yang sama, seperti daging dan ikan.

Ada cerita di pusat pemindahan yang mangsa banjirnya dilayan lebih daripada di rumah dengan setiap orang mendapat tilam dan selimut selain dapat makan enam kali sehari termasuk menikmati nasi beriani.

Itu semua usaha wakil rakyat masing-masing kerana jika diharapkan bantuan makanan asas daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, sudah tentu hanya sardin, ikan kering dan tikan menjadi peneman di pusat pemindahan.

Mungkin khabar angin pilihan raya umum yang dijangka akhir tahun ini atau awal tahun depan menyebabkan ada mangsa banjir membuat tanggapan sedemikian tetapi yang penting adalah keikhlasan, yang lain hanya Tuhan yang mengetahuinya.

Kini, gelombang banjir ketiga pula diramalkan dalam tempoh dua minggu lagi dan ada penduduk yang jemu membersihkan rumah masing-masing, hanya membiarkan rumah mereka dengan selut dan lumpur.

Apapun, dengan anggaran menerima wang ihsan RM900 satu keluarga, ia sudah pasti tidak cukup membantu mereka memulakan kehidupan mereka seperti sedia kala, malah ada penduduk yang memberi tempoh antara satu dan dua tahun bagi mereka hidup normal selepas semuanya musnah dalam tempoh sebulan banjir.

Kata-kata seorang penduduk di Taman Kota Jaya, Kota Tinggi ketika pulang ke rumah empat hari selepas banjir kedua, baik untuk direnungi.

"Banjir pertama, semuanya sudah rosak, musnah dan kemudian dibuang...banjir kedua saya hanya melihat dan merenung rumah yang dinaiki air hingga ke paras bumbung. Ini semua ujian Allah...kita hanya boleh berserah dan berharap segalanya akan kembali seperti sedia kala, sekurang-kurangnya tiada ratusan nyawa terkorban seperti tsunami di Aceh, Indonesia."



**BENCANA:** Banjir besar boleh dielak jika jika keperluan asas mencukupi untuk menampung jumlah hujan yang luar biasa.